



KENYATAAN PELAWAAN MEMBERI MAKLUMAT (REQUEST FOR INFORMATION (RFI))

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW), ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Akta Parlimen sebagai sebuah badan berkanun. MARA ingin mempelawa Syarikat Berstatus Bumiputera yang berminat dan berpengalaman untuk **Cadangan Konsep Pembangunan Perniagaan di Tapak MARA Street Café, Kuala Lumpur.**

Pencadang adalah dipelawa untuk menyertai RFI berikut :

TAJUK / RUJUKAN	PENGAMBILAN DOKUMEN RFI	SYARAT-SYARAT RFI	PELAWAAN TARIKH & TUTUP	TARIKH LAWATAN TAPAK
<u>PELAWAAN MEMBERI MAKLUMAT:</u> Cadangan Konsep Pembangunan Perniagaan di Tapak MARA Street Café, Kuala Lumpur <u>Alamat Tapak</u> Ibu Pejabat MARA 21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur	Dokumen RFI perlu dipohon melalui emel kepada: <u>saifuladli@mara.gov.my</u> Saiful Adli bin Jamal No. Tel: 03-2613 4813 Bermula 9 Julai 2025	i. Syarikat Sendirian Berhad Berstatus Bumiputera. ii. Modal Saham Berbayar sekurang-kurangnya RM200,000.00. iii. Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang pengurusan bangunan. iv. Mempunyai tenaga pengurusan professional yang berkaitan. v. Mengemukakan akaun beraudit syarikat dua (2) tahun terkini.	9 Julai 2025 9.00 pagi Hingga 12 Ogos 2025 3.30 petang	17 Julai 2025 11.00 pagi Tempat Tapak MARA Street Cafe Ibu Pejabat MARA 21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur <i>(Semua pencadang yang berminat diwajibkan hadir)</i>

MARA berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan atau membatalkan pelawaan **tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon.**

Semua keputusan yang dibuat oleh MARA adalah muktamad. Cadangan RFI adalah hakmilik MARA dan pencadang tidak berhak menuntut sebarang bayaran.

PENYERAHAN DOKUMEN RFI

Dokumen RFI yang telah lengkap hendaklah dilakri dan dihantar dengan serahan tangan atau melalui pos ke alamat **Bahagian Infrastruktur Komersial, Tingkat 16, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur selewat-lewatnya pada 12 Ogos 2025, jam 3.30 petang.** Penerimaan selepas tarikh dan masa yang dinyatakan adalah tidak akan diambil kira. **Pencadang hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan RFI ini.**